

Bot karam: 24 PATI etnik Rohingya dikhuatiri lemas di Langkawi

Oleh **ZAID MOHD. NOOR**

zaid.noor@mediamulia.com.my

LANGKAWI: Seramai 24 pendatang asing tanpa izin (PATI) etnik Rohingya dikhuatiri lemas selepas bot dinaiki dipercayai karam di perairan barat pulau perangan ini pada pukul 8 malam semalam.

Pengarah Maritim Negeri Kedah dan Perlis, Laksamana Pertama Maritim Mohd. Zawawi Abdullah berkata, pihaknya menjalankan operasi mencari dan menyelamatkan sejurus menerima laporan polis mengenai kejadian tersebut.

“Berdasarkan maklumat, pengadu yang juga PATI yang menaiki bot terjun ke laut bersama 24 yang lain dan didakwa hanya dia yang selamat kerana berenang sampai ke daratan,” katanya dalam kenyataan semalam.

Menurut beliau, mangsa yang selamat Nor Hossain, 27, ditahan untuk siasatan.

Beliau berkata, operasi mencari melibatkan dua aset laut dan sebuah aset udara milik Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia merangkumi kawasan seluas 109 batu nautika persegi barat perairan Langkawi,” katanya.

Ketua Polis Daerah Langkawi, Superintendan Mohd. Iqbal Ibrahim turut mengesahkan kejadian itu dan memberitahu, operasi menyelamatkan belum menemukan mangsa.

Jumaat lalu, *Utusan Malaysia* melaporkan 86,155 Rohingya di negara ini yang memegang Kad Suruhanjaya Tinggi Bangsa-Bangsa Bersatu Untuk Perlarian (UNHCR).

Angka tersebut semakin menyamai jumlah penduduk Putrajaya 108, 000 orang.



OPERASI mencari etnik Rohingya yang dikhuatiri mati lemas selepas bot dinaiki karam di perairan barat Pulau Langkawi semalam. - GAMBAR IHSAN MARITIM MALAYSIA